

Bahagian A
[40 markah]

Jawab semua soalan

Soalan 1 hingga 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C, D**. **Hitamkan** jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

1

X



Kepercayaan karut yang dianggap mempunyai hubungan dengan agama Islam sedangkan ianya bertentangan syariat Islam

“X” adalah merujuk kepada maksud _____

- A sihir
 - B nifak
 - C syirik
 - D khurafat
- 2 Berikut merupakan contoh dosa kecil **kecuali** _____
- A melihat aurat bukan mahram
 - B mengurat
 - C mengumpat
 - D bercakap lucah
- 3 Manakah di antara berikut adalah **bukan** pegangan Syiah al-Batiniah?
- A Percaya bahawa Saidina Ali dan para Imam mereka sebagai tuhan
 - B Menghalalkan beberapa kemungkaran
 - C Beriktikad Imam Muhammad bin Al-Hanafiah masih hidup
 - D Beriktikad bahawa pelaku dosa besar berada di antara keimanan dan kekufuran
- 4 Berikut adalah perbuatan yang boleh mencapai kemanisan iman **kecuali** _____
- A benci kepada perkara-perkara kekufuran
 - B mengasihi sesama manusia kerana Allah SWT
 - C melaksanakan tuntutan fardu dengan tidak sempurna
 - D cinta kepada Allah SWT dan rasulNya melebihi segalanya
- 5 Manakah di antara berikut adalah pegangan Syiah Zaidiyah?
- A Pelaku dosa besar adalah kafir
 - B Menghalalkan beberapa kemungkaran
 - C Membataskan sumber syariat hanya kepada Al-Quran
 - D Perbuatan manusia dilakukan oleh manusia bukan Allah SWT

6

- melakukan qiamullail
- membaca al Quran
- berzikir, bertahmid

Keterangan di atas merujuk kepada usaha _____

- A meningkatkan keimanan
- B mengekalkan keimanan
- C mengurangkan keimanan
- D membataskan keimanan

7

- Amalan ini merupakan suatu kemestian dalam ibadat haji.
- Tidak sah haji sekiranya tertinggal salah satu daripadanya
- Wajib diganti pada tahun berikutnya.

Kenyataan di atas menerangkan _____

- A makruh haji
- B rukun haji
- C wajib haji
- D sunat haji

8 Berikut adalah faktor yang mengharuskan upah haji **kecuali** _____

- A sakit yang tiada harapan sembuh
- B sibuk dengan kerjaya
- C meninggal dunia
- D terlalu tua

9 Antara perkara makruh semasa sembelihan ialah _____

- A tidak membaca basmalah
- B menyembelih binatang yang kurus
- C melakukan sembelihan di siang hari
- D sembelihan dilakukan dengan alat elektrik

10 Berikut adalah **bukan** hikmat perkahwinan dalam Islam.

- A Menjamin kestabilan kesihatan pasangan
- B Memperbanyak harta dan kekayaan peribadi
- C Mengeratkan hubungan silaturahim keluarga
- D Memenuhi keperluan rohani dan jasmani manusia

11 Berikut adalah syarat suami dalam rukun rujuk **kecuali** _____

- A Islam
- B Baligh
- C Berilmu
- D Berakal


- 12 Talak Bid'i bermaksud _____
A mentalak isteri ketika haid
B mentalak isteri yang derhaka
C mentalak isteri dengan talak tiga
D talak yang menyalahi hukum syarak
- 13 Berikut adalah hikmat Islam mengharamkan anak angkat dibinakan kepada bapa angkatnya **kecuali** _____
A mengiktiraf nasab atau keturunan bapa kandung
B memelihara hak untuk mewarisi pusaka bapa kandung
C memastikan batasan aurat dengan keluarga angkat terpelihara
D membolehkan anak angkat mengabaikan tanggung jawab terhadap keluarga angkat
- 14 Saidina Abu Bakar al-Siddiq memerintah negara selama _____
A 1 tahun
B 2 tahun
C 3 tahun
D 4 tahun
- 15 Berikut adalah ciri kemajuan sosial penduduk pada zaman Khulafa al-Rasyidin.
I Penduduknya terdiri daripada golongan muslim dan non muslim
II Semua golongan masyarakat hidup dalam keadaan harmoni
III Semua rakyat diberi hak dan kebebasan dalam negara
IV Rakyat bebas memilih dan menukar pegangan agama

A I, II dan IV
B I, II dan III
C II, III dan IV
D I, III dan IV
- 16 Kuttab yang didirikan pada zaman Khulafa al-Rasyidin khusus sebagai tempat belajar untuk golongan _____
A buta huruf
B bangsawan
C kanak-kanak
D orang kurang upaya
- 17 Apakah nama buku hasil karya Ibnu Khaldun yang dijadikan bahan kajian oleh sarjana Barat dan Timur?
A Al-Khatirat
B Al-Muqaddimah
C Tarikh Gharnatah
D Al-A'mal al-Kamilah


- 18 Tempat rekreasi perlu dijaga untuk mengelakkan daripada berlakunya kerosakan. Apakah strategi yang sesuai untuk pengawalan tersebut?
- I Memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan tempat rekreasi
 - II Menyediakan peti cadangan untuk orang ramai memberikan pendapat
 - III Menyediakan tong sampah di sepanjang laluan orang ramai
 - IV Mengenakan denda yang tinggi kepada pelaku kerosakan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D I, III dan IV
- 19 Seorang rakyat perlu bertanggungjawab mengamalkan adab terhadap negara. Antara adab bernegara ialah _____
- A menjaga nama baik negara
 - B memenuhi kehendak peribadi
 - C mewujudkan hubungan silaturahim
 - D memberi maklumat penting kepada negara lain
- 20 Di antara kesan positif beradab dalam bernegara ialah _____
- A negara akan bertambah maju
 - B negara akan mudah dibolosi oleh musuh
 - C negara akan menghadapi penurunan ekonomi
 - D negara akan tercemar namanya di mata dunia

Soalan 21 hingga Soalan 24*Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul*

- 21 Abdullah bin Saba' adalah ketua golongan _____ yang mencetuskan huru hara di zaman khalifah Uthman bin Affan.
- 22 _____ adalah hubungan jenis perempuan dengan perempuan .
- 23 Al Salaf al Soleh ialah para ulama solehin yang hidup sebelum kurun ke _____ hijrah.

Soalan 24 hingga Soalan 25*Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul*

- 24 **X** dalam rajah di atas ialah _____.
- 25 **Y** dalam rajah di atas ialah _____.
- 26 Masa bercukur bagi orang yang mengerjakan umrah ialah selepas selesai mengerjakan _____.
- 27 Akikah afdhal dilakukan pada hari ke _____ kelahiran bayi.

Soalan 28 hingga Soalan 29*Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul*

- 28 **R** dalam rajah di atas ialah _____.
- 29 **S** dalam rajah di atas ialah _____.

Soalan 30 hingga Soalan 31


Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual dibawah.

Qabul	Sighah	Ijab
-------	--------	------

- 30 _____ ialah lafaz yang diucapkan oleh wali.
- 31 _____ ialah jawapan penerimaan yang diucapkan oleh bakal suami
- 32 Perbincangan pelantikan Abu Bakar al Siddiq sebagai khalifah telah berlaku di _____ .
- 33 Bahasa rasmi kerajaan Bani Umayyah ialah bahasa _____ .
- 34 Kota _____ telah muncul sebagai pusat perdagangan yang menjadi tumpuan para pedagang dari timur dan barat di zaman Abbasiyah.
- 35 Imam Ahmad bin Hanbal digelar sebagai _____ kerana telah menghafaz lebih daripada 700,000 hadis.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Berjihad membaiki diri • Berjihad melawan syaitan • Jihad melawan orang kafir harbi dan munafik • Jihad menghapuskan kezaliman dan kemungkaran |
|---|

- 36 Pernyataan di atas merujuk kepada _____ jihad.



- 37 X dalam rajah di atas ialah _____

Soalan 38 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual dibawah.

Sunat	haram	makruh	wajib
-------	-------	--------	-------

- 38 Mengerjakan Tawaf Wadak adalah _____ sebelum pulang ke tanahair.
- 39 Hukum bermusafir tanpa tujuan dan matlamat adalah _____
- 40 _____ menceraikan isteri yang memiliki akhlak yang buruk

Bahagian B

[60 markah]

*Jawab tiga soalan.**Jawab Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4*

- 1 (a) Antara perkara dosa besar yang dimurkai Allah SWT ialah menuduh zina.(qazaf)
- (i) Nyatakan maksud menuduh zina.(qazaf) [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan terhadap mereka yang dituduh berzina. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** akibat ke atas orang yang menuduh perempuan yang baik melakukan zina tanpa mengemukakan empat orang saksi. [4 markah]
- (b) Ajaran Taslim adalah salah satu contoh ajaran sesat yang paling tua di negara kita.
- (i) Apakah maksud ajaran sesat. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** ciri kesesatan ajaran Taslim. [4 markah]
- Rakan sebaya anda telah terlibat dengan salah satu ajaran sesat yang terdapat di Malaysia
- (iii) Huraikan perkara yang patut anda lakukan untuk menyedarkannya dari terus terjebak dengan ajaran sesat [4 markah]
- 2 (a) Haji merupakan rukun Islam ke lima yang wajib ditunaikan oleh umat Islam sekali seumur hidup.
- (i) Nyatakan **dua** rukun haji. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** perbezaan haji dan umrah [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** hikmah haji kepada individu. [4 markah]
- (b) Rujuk ialah cara penyelesaian untuk mengembalikan semula ikatan perkahwinan yang disebabkan oleh perceraian.
- (i) Senaraikan **dua** rukun rujuk. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** syarat isteri yang hendak dirujuk. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** jenis binatang ternakan (al-An`am) yang boleh [2 markah]

[Lihat halaman sebelah

dijadikan korban.

- (ii) En Isa menyembelih korban pada 9 Zulhijjah.
Nyatakan hukum dan alasan. [2 markah]

- 3 (a) Perkembangan sains dan teknologi pada zaman kerajaan bani Abbasiyah sangat pesat.

- (i) Nyatakan **dua** program yang digalakkan oleh khalifah bani Abbasiyah dalam memajukan bidang tersebut. [2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** faktor perkembangan sains dan teknologi pada zaman tersebut selain daripada galakan khalifah. [4 markah]

- (b) Khalifah Umar al-Khatib merupakan khalifah yang kedua dalam kerajaan Khulafa al-Rasyidin.


- (i) Nyatakan riwayat hidup beliau secara ringkas. [2 markah]

- (ii) Jelaskan polisi beliau bagi menjaga kepentingan agama dan negara Islam di zaman pemerintahannya. [2 markah]


- (c) Umat Islam digalakkan menziarahi orang yang meninggal dunia.

- (i) Nyatakan **dua** adab menziarahi jenazah. [2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** perkara yang dilarang ketika menziarahi jenazah. [4 markah]


<p>Maksud: Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati ... (Surah Ali Imran :185)</p>

- (iii) Berdasarkan ayat di atas, huraikan bagaimana persediaan anda untuk menghadapi kematian. [4 markah]

- 4 (a) Perkembangan bidang ketenteraan pada zaman Kerajaan bani Umayyah amat pesat.
- (i) Nyatakan **dua** pasukan tentera pada zaman tersebut [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** faktor perkembangan ketenteraan pada zaman tersebut selain daripada pembahagian pasukan ketenteraan. [4 markah]
- (b) Sheikh Tahir Jalaluddin adalah tokoh pemikir tanah air yang terkenal.
- (i) Nyatakan **dua** sifat peribadi beliau. [2 markah]
- (ii) Jelaskan mesej Islah beliau. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan maksud sedekah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** adab memberi sedekah dalam Islam. [4 markah]
- 
 وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ^ط وَهُوَ خَيْرُ الرَّزَاقِينَ

...dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya dan Dialah jua sebaik-baik Pemberi rezeki.

(Surah al Saba` :39)
- (iii) Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT